

Newspaper	SELANGORKINI
Date	11 NOVEMBER 2016

Lawan kepincangan Putrajaya

Bersatu tuntutan perubahan

OLEH ERMIZI MUHAMAD

KUALA LUMPUR - Penyatuan dalam kalangan anggota wakil rakyat dan masyarakat diperlukan untuk melawan kepincangan pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, sentimen perbezaan terdahulu perlu diketepikan bagi membentuk negara lebih baik.

"Bersatu buat perubahan sebagai jaminan supaya (negara) ditadbir secara berkesan dan apabila wujud kepincangan, semua pihak perlu bersatu dalam melaksanakan perubahan bagi menjamin pentadbiran bersih.

"Bagi mengelakkan pentadbiran pincang, pihak berkuasa dan

rakyat perlu melihat ke hadapan bukan sebagai individu tetapi sebagai rakyat Malaysia," katanya ketika taklimat pertemuan ahli parlimen pembangkang bersama bekas Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad di Parlimen, pada 8 November lalu.

Taklimat itu turut dihadiri mantan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan pimpinan pembangkang.

Sebelum ini, Wan Azizah menyambut baik tindakan Tun Mahathir untuk hadir ke Parlimen bagi membincangkan isu kekebalan anggota Dewan Rakyat.

Ia susulan laporan polis terhadap beberapa bekas pimpinan Umno selepas didakwa melanggar prinsip kerahsiaan di Parlimen.

